



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**YB NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN SELAUT BUDI
TAHUN 2025**

15 MEI 2025 (RABU)

DEWAN DAMAR SARI, BLOK F8, KOMPLEK F, PUTRAJAYA

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

- 1. Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/l Kim**
Ketua Setiausaha
- 2. Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati Awang**
Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)
- 3. Yang Berbahagia Puan Norsham Abdul Latip**
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
- 4. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi**
- 5. Pegawai-pegawai Kanan**
6. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

PENDAHULUAN

1. Syukur kepada Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya, kita dapat berkumpul pada hari yang penuh bererti ini dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan dan Selaut Budi 2024.
2. Anugerah ini bukan sekadar satu bentuk ganjaran, tetapi juga satu simbol semangat kerja berpasukan, integriti dan nilai profesionalisme yang harus dijadikan budaya dalam perkhidmatan awam. Tahniah dan syabas kepada semua penerima anugerah.

Anda adalah contoh teladan kepada rakan-rakan yang lain dan bukti bahawa usaha gigih pasti membuahkan hasil.

3. Saya juga ingin mengingatkan bahawa kecemerlangan tidak hanya terhad kepada mereka yang menerima anugerah pada hari ini. Setiap warga kerja memainkan peranan penting dalam menjayakan visi dan misi Kementerian. Oleh itu, teruskan semangat kerja yang tinggi, kukuhkan semangat kekitaan dan sama-sama kita bina budaya kerja berprestasi tinggi dalam suasana yang harmoni.
4. Sebagai warga Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) kita memikul tanggungjawab besar dalam memastikan bahawa pembangunan negara tidak mengorbankan warisan alam semula jadi yang kita miliki. Penerima anugerah hari ini bukan sahaja dihargai kerana prestasi kerja mereka yang cemerlang, malah kerana peranan mereka yang penting dalam memelihara biodiversiti dan menjayakan misi kelestarian alam.
5. Sesungguhnya, kejayaan dalam pelaksanaan dasar-dasar kelestarian, program pemuliharaan hutan, perlindungan spesies terancam, pengurusan kawasan perlindungan marin dan darat, pengurusan alam sekitar dan perubahan iklim serta pemantauan sumber asli negara tidak mungkin dicapai tanpa komitmen dan ketekunan warga kementerian yang berdedikasi seperti tuan-tuan dan puan-puan.

Hadirin sekalian,

FALSAFAH KERJA CEMERLANG PENJAWAT AWAM

6. Ingin saya memetik antara amanat yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim berkaitan falsafah kerja cemerlang penjawat awam. Beliau menegaskan, "Bekerjalah dengan amanah, berintegriti dan berprestasi tinggi demi kemakmuran rakyat dan kelestarian negara."
7. Falsafah ini mendokong prinsip Malaysia MADANI yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri, dengan penekanan kepada nilai Ihsan, Amanah, dan Kemampanan sebagai teras perkhidmatan. Ia juga seiring dengan aspirasi Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam untuk membentuk penjawat awam yang profesional, cekap, responsif serta sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dan negara.
8. Setiap penjawat awam dituntut untuk:
 - a) Berorientasikan rakyat, dengan mempercepat penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan berimpak tinggi;
 - b) Mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi, melalui inovasi, pemikiran strategik dan semangat berpasukan;
 - c) Menjunjung integriti dan tadbir urus baik, sebagai asas kepada keyakinan rakyat terhadap institusi kerajaan.
9. Falsafah ini bukan sahaja menjadi panduan etika dan nilai kerja, malah menjadi pemacu dalam merealisasikan wawasan negara yang inklusif, lestari dan berdaya tahan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PENGURUSAN HUTAN SECARA BERKEKALAN

10. Kita sedia maklum, Mesyuarat *20th Session of the United Nations Forum on Forests (UNFF-20)* telah melabuhkan tirainya pada 9 Mei yang lalu. Kehadiran Malaysia menerusi NRES adalah sebagai peneraju bagi pengurusan hutan secara berkekalan (PHSB) atau *Sustainable Forest Management (SFM)*. NRES membawa mandat dalam menjaga kepentingan negara dalam sektor perhutanan di peringkat serantau dan global.
11. Masyarakat antarabangsa secara umumnya telah mengiktiraf peranan penting hutan dalam menangani kesan perubahan iklim dan pemeliharaan biodiversiti. Bagi tujuan ini, Malaysia telah memperkenalkan beberapa dasar utama di peringkat nasional seperti Dasar Perhutanan Malaysia, Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022–2030 dan Dasar Perubahan Iklim Negara 2.0 sebagai kerangka dalam menyokong usaha memperkukuhkan pengurusan alam sekitar negara. Pendekatan ini mencerminkan komitmen berterusan negara untuk mengurus perdanakan kepentingan alam sekitar dalam konteks dasar dan perancangan pembangunan negara selaras dengan aspirasi nasional serta kerjasama antarabangsa.
12. Selain itu, satu kerangka perundangan berkaitan perubahan iklim juga sedang disediakan dan dijangka akan dibentangkan dalam Parlimen pada tahun ini bertujuan untuk menyediakan kerangka kawal selia yang lebih sistematik serta menyeluruh bagi menyokong pasaran kredit karbon kebangsaan selaras dengan prinsip-prinsip Perjanjian Paris di bawah UNFCCC.

13. Menerusi UNFF20 ini, ia bukan sahaja berjaya memperkukuh jaringan kerjasama antara negara anggota dan organisasi antarabangsa dalam mempercepatkan pelaksanaan UNSPF, malah memperluaskan akses kepada sumber pembiayaan dan memperkukuhkan suara negara-negara membangun termasuk Malaysia dalam konteks perhutanan di peringkat global.

Hadirin sekalian,

PERANAN NRES SIGNIFIKAN

14. Pada setiap 22 Mei, satu dunia akan menyambut Hari Biodiversiti Antarabangsa. Dengan tema yang diangkat tahun ini iaitu "Harmoni dengan Alam dan Pembangunan Mampan", ia mengajak seluruh masyarakat dunia untuk tidak hanya berdiam diri, tetapi mengambil langkah proaktif dan menjadi pelaksana serta pendukung kepada pelan tindakan biodiversiti.
15. Malaysia adalah antara negara yang sangat kaya dengan biodiversiti. Kita memiliki lebih 15,000 spesies tumbuhan berbunga, lebih 300 spesies mamalia, dan ribuan spesies serangga, reptilia dan burung – suatu kekayaan semula jadi yang tidak ternilai. Namun, kita juga berdepan dengan tekanan akibat pembangunan tidak lestari, perubahan guna tanah, perubahan iklim, serta aktiviti pembalakan dan pemburuan haram.
16. Dalam hal ini, peranan kementerian sangat signifikan. Lebih penting, peranan setiap penjawat awam di kementerian ini adalah penentu kejayaan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti. Sama ada anda bertugas dalam bidang dasar,

teknikal, penguatkuasaan, pendidikan atau pentadbiran – anda semua adalah ejen kelestarian. Kepada penerima anugerah hari ini, ketekunan anda menyumbang kepada keberhasilan pelaksanaan pelbagai program seperti:

- Pewartaan kawasan perlindungan baharu;
- Inisiatif pemulihan hutan dan ekosistem terosot;
- Penyelidikan biodiversiti yang menghasilkan maklumat penting untuk dasar negara; dan
- Penganjuran program pendidikan dan kesedaran awam berkaitan kelestarian alam.

17. NRES terus memikul tanggungjawab sebagai peneraju negara dalam pelaporan perubahan iklim kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC) selaras dengan tuntutan Perjanjian Paris.
18. Pencapaian utama negara dalam agenda itu ialah penghasilan Laporan Komunikasi Kebangsaan keempat (NC4) dan Laporan Ketelusan Dwitahunan Pertama (BTR1) pada 2024 serta dokumen Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon (LT-LEDS). Manakala dapatan BTR itu dijadikan input kepada dokumen strategik seperti RMK, RUUPIN, pihak berkepentingan lain bagi tujuan keperluan ESG dan korporat. Maka jelaslah, komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada tuan/puan yang terlibat dalam pelaksanaan ini amat penting buat negara dan membanggakan Kementerian.
19. Dalam era Malaysia MADANI ini, kelestarian alam bukan hanya tanggungjawab kementerian ini semata-mata, tetapi harus didekati secara inklusif melibatkan semua pihak – kerajaan, swasta,

masyarakat sivil, komuniti tempatan dan orang asli. Namun demikian, kementerian kita adalah 'enabler', 'peneraju utama' yang merintis jalan ke arah masa depan yang mampan.

20. Penerima anugerah hari ini, dengan kecemerlangan dan kepakaran yang ditunjukkan, perlu tampil sebagai role model dan pemimpin dalaman yang memperkasa nilai integriti, inovasi, dan kelestarian dalam setiap tindakan.

Hadirin sekalian,

TERUS MEMEGANG AMANAH ALAM

21. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Setia Berkhidmat, Anugerah Khas Menteri, dan para pesara yang diraikan pada hari ini. Kejayaan dan pencapaian anda adalah cerminan kepada semangat, dedikasi dan profesionalisme yang tinggi dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.
22. Kita berada dalam era perkhidmatan yang memerlukan kecekapan, kepantasan dan inovasi. Oleh itu, warga kementerian diseru agar terus meningkatkan mutu kerja, berfikiran terbuka terhadap perubahan, serta sentiasa menyesuaikan diri dengan keperluan semasa termasuk aspek digitalisasi, kelestarian dan pemeraksanaan rakyat.
23. Kepada pesara yang turut diraikan hari ini, jasa dan pengorbanan anda tidak mungkin dapat dibalas sepenuhnya dengan

penghargaan yang diberikan. Namun percayalah, segala ilmu, pengalaman dan usaha yang anda tinggalkan menjadi asas kepada kesinambungan kecemerlangan kementerian ini.

24. Marilah kita bersama-sama menjadikan kementerian ini bukan sahaja cemerlang dalam prestasi pentadbiran, tetapi juga unggul sebagai peneraju kelestarian yang menjadi contoh di peringkat nasional dan antarabangsa.
25. Saya berharap agar seluruh warga NRES terus mengekalkan momentum kecemerlangan yang telah dicapai, dengan berpegang teguh kepada integriti, profesionalisme dan semangat berkhidmat demi negara dan kelestarian alam sekitar.
26. Seperti yang pernah diungkapkan oleh Barack Obama, “We are the first generation to feel the effect of climate change and the last generation who can do something about it.” Kata-kata ini mengingatkan kita bahawa amanah yang digalas oleh kementerian ini bukan kecil—ia tentang masa depan bumi, dan nasib generasi yang akan datang.
27. Oleh itu, marilah kita terus menyemai rasa cinta terhadap bumi dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita. Setiap dasar yang kita gubal, setiap keputusan yang kita buat, dan setiap langkah yang kita ambil mesti berlandaskan kesedaran bahawa kita bukan hanya berkhidmat untuk hari ini, tetapi untuk masa depan yang lebih hijau, adil dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.